

Dr M, BBC

bincang isu AP

JOHOR BAHRU: Isu permit import (AP) adalah antara perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini, selain hala tuju dasar automotif negara.

Pengerusi BBC, Datuk Shahrir Samad, berkata kelab itu mahu mendapat pandangan dan penjelasan mengenai isu AP yang kini menjadi kontroversi dan cadangan Dr Mahathir mengenai dasar automotif tempatan.

"BBC perlu mendapatkan cadangan dan pandangan Tun (Dr Mahathir) mengenai dasar automotif negara kerana beliau yang meletakkan asasnya apabila melaksanakan projek kereta nasional negara (Proton)," katanya di sini, semalam.

Shahrir sebelum itu, merasmikan Program Local Agenda 21 Zon Kampung Melayu di Kampung Ehsan di sini, yang dihadiri kira-kira 100 penduduk kampung berkenaan.

Beliau berkata, pertemuan itu akan berlangsung di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, jam 3 petang hari ini dan rombongan BBC disertai sembilan Ahli Parlimen BN.

"Parlimen akan membahaskan mengenai dasar automotif negara, Bajet 2005 dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada sesi persidangan September ini dan kita mahu mendapat pandangan dan maklum balas semua pihak termasuk Dr Mahathir," katanya.